



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

APLIKASI *MOBILE* ADUAN JALAN KKR

Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membangunkan aplikasi saluran aduan menggunakan telefon pintar sebagai satu usaha inovasi memudahkan pengguna jalanraya menyalurkan aduan iaitu Aplikasi *Mobile* Aduan Jalan KKR. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada, namun ia lebih bersifat mesra pelanggan dan holistik.

Ini kerana setiap aduan boleh disalurkan melalui telefon pintar pengguna dengan menyertakan foto lokasi aduan selain diintegrasikan dengan fungsi *Geographical Information System* (GIS), dimana lokasi aduan adalah lebih tepat dan seterusnya memudahkan tindakan susulan diambil pihak KKR.

Aplikasi ini boleh didapati secara percuma dengan memuat turun daripada App Store untuk sistem operasi iOS dan Play Store untuk pengguna sistem operasi Android. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini dimana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut.

Pelancaran Aplikasi *Mobile* Aduan Jalan KKR ini merupakan pendekatan proaktif KKR dalam memastikan usaha aduan kerosakan infrastruktur jalanraya dapat disalurkan dengan mudah selaras perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan telefon pintar di Malaysia pada masa kini oleh semua demografik masyarakat.




Disamping itu, inisiatif ini juga selari dengan misi KKR, iaitu memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi dalam usaha menyediakan kemudahan, penyelesaian dan keselamatan kepada pengguna.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
26 MAC 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my